

Kenaikan harga petrol tidak jejas pengangkutan — Ling

LUM 23 OKT 2001

KUALA LUMPUR 22 okt. — Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Lina Ling Sik berkata, kenaikan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter tidak akan menjejaskan sektor pengangkutan.

Menurutnya, kenaikan tersebut adalah terlalu kecil kepada sektor itu kerana ia tidak melibatkan komponen lain seperti harga tayar dan gaji pekerja.

“Kenaikan 10 sen ini hanya melibatkan kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan kos operasi syarikat pengangkutan berkenaan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan kaunter

bantuan pelanggan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (Putra) di Stesen Pasar Seni di sini hari ini.

Dr. Ling mengulas kenyataan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, semalam bahawa kenaikan harga bahan api tersebut akan menjejaskan sektor yang menggunakan kenderaan untuk urusan perniagaan serta import dan eksport.

Pengumuman kenaikan harga bahan api itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

Mengenai ura-ura penguasaan lori untuk menaikkan kadar sewa perkhidmatan mereka, Dr. Ling berkata, kerajaan bersedia menimbang permohonan itu sekiranya ia munasabah dan tidak dikaitkan dengan kenaikan harga petrol dan diesel.

“Kenaikan kadar sewa ini tidak akan menjejaskan syarikat penghantaran barangan kerana mereka boleh memilih perkhidmatan pengangkutan lain seperti kereta api,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Dr. Ling yang juga Presiden MCA berkata, pelantikan enam ahli veteran parti bagi menganggotai jawatan kuasa khas menyiasat pergaduhan semasa perhimpunan

Pemuda MCA telah disambut baik oleh ahli-ahli di peringkat akar umbi.

“Semasa pertemuan saya dengan ahli-ahli parti di peringkat negeri sejak seminggu lalu, mereka menfikirkan pelantikan tersebut adalah baik kerana veteran berkenaan tidak berpihak kepada mana-mana kumpulan dalam parti,” jelasnya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas apabila ditanya mengenai kenyataan Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng semalam yang meminta Dr. Ling menyelesaikan segera isu pemecatan beliau (Chua) sebagai Pengerusi MCA Kedah dan penyingkirannya daripada aliran politik negeri Johor.